

# PM puji usaha pelajar kendali ekspo perdagangan

BH 11 DEC 1985

HEBAT....begitulah pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas merasmikan dan melawat gerai-gerai yang diusahakan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah di Ekspo Keusahawanan Pelajar 1985 di Changkat Pavilion, Sabtu lalu.

Pandangan Perdana Menteri itu membuktikan betapa bangganya beliau terhadap minat dan usaha pelajar-pelajar dalam mengendalikan perniagaan.

Walaupun sibuk belajar dan masih mentah dalam bidang pekerjaan apalagi untuk mengenali dunia perniagaan, menerusi ekspo yang pertama kali diadakan itu, pelajar-pelajar telah menunjukkan bahawa mereka

juga boleh memikul tanggungjawab itu.

Dalam lawatan kira-kira tiga jam itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diiringi oleh Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Timbalannya, Haji Bujang Ulis dan beberapa pegawai kanan Kementerian Pelajaran mengunjungi hampir semua gerai yang diusahakan oleh pelajar-pelajar.

## Pengalaman

Perdana Menteri begitu tertarik dan kagum dengan usaha pelajar-pelajar berbilang kaum berganding bahu mengurus barang-barang yang dipamer dan dijual kepada orang ramai.

"Ekspo ini menunjukkan satu petanda yang baik dan perlu dipupuk dengan jayanya. Saya kagum melihat perkembangan ini di kalangan pelajar-pelajar

kita yang berbilang kaum di negara ini.

"Mereka menguruskan gerai-gerai dengan cekap dan barang-barang yang dipamer untuk jualan juga bermutu tinggi. Menerusi kegiatan begini pelajar bukan sahaja dapat mengamalkan pelajaran perdagangan yang dipelajari di sekolah tetapi menimba pengalaman darinya," jelas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila diminta mengulas mengenai ekspo itu.

Ekspo Keusahawanan Pelajar diilhamkan oleh Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi untuk mendedah dan mendekatkan pelajar-pelajar sekolah menengah ke alam nyata serta memberikan mereka pengalaman dalam bidang keusahawanan.

Menerusi ekspo ini, Kementerian Pelajaran berharap akan memberi

peluang kepada pelajar-pelajar sekolah menengah mendapatkan pengalaman praktikal dalam lapangan perniagaan serta mengamalkan apa yang telah dipelajari dalam pelajaran perdagangan.

## Perniagaan

Inilah kali pertama ekspo seumpama ini dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran, khusus kepada pelajar-pelajar sekolah menengah supaya mengambil daya usaha mengamalkan apa yang dipelajari dalam bidang pelajaran perdagangan dari peringkat awal lagi.

Pelajar-pelajar dikehendaki bersama-sama merancang, menulis kerangka cadangan, mengkaji kehendak pasaran, mengumpul atau mencari modal, menghubungi syarikat-syarikat untuk

mendapatkan hak wakil tunggal serta membuat anggaran untung dan rugi.

Bagaimanapun, menerusi projek perintis ini hanya sekolah-sekolah di Selangor dan Wilayah Persekutuan sahaja yang mengambil bahagian. Kementerian Pelajaran berhasrat mengadakan ekspo seumpama itu di setiap negeri tahun depan dan seterusnya pula di peringkat kebangsaan.

Boleh dikatakan usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran ini berkonsepkan temasya 'makanan dan pestaria' yang selalu kita saksikan di sekolah-sekolah.

Tetapi dalam temasya di sekolah, kumpulan yang mengambil bahagian adalah terhad kepada sesuatu sekolah sahaja, manakala pengunjungnya adalah masyarakat setempat.

Begitu juga dengan barang-barang yang dipamerkan.

Bagaimanapun, Ekspo Keusahawanan yang dianjurkan secara besar-besaran selama tiga hari di Changkat Pavilion tahun ini adalah pengalaman praktikal dalam lapangan perniagaan kepada pelajar-pelajar, khususnya yang mengikuti jurusan perdagangan.

## Penjualan

Kira-kira 120 gerai yang menjual pelbagai jenis barang disediakan. Daripada buah-buahan, makanan dan kuih muih tempatan yang beraneka jenis kepada yang berbentuk kraftangan, buku, komputer, permainan dan sebagainya.

Seperkara lagi yang menarik mengenai ekspo ini ialah pelajar-pelajar

dapat memperkenalkan ciptaan atau pembuatan masing-masing kepada orang ramai yang berkunjung ke ekspo itu.

Bertepatanlah dengan logo ekspo ini yang menunjukkan gambar rajah sebuah mikro komputer. Di tengah kaca mikro komputer itu tertulis EKP dalam bentuk tangan yang digenggamkan dengan ibu jari menunjuk ke atas.

EKP bermaksud Ekspo Keusahawanan Pelajar dan tangan yang menggenggam dengan ibu jari menunjukkan ke atas melambangkan sesuatu yang baik dan bermutu tinggi.

Komputer adalah lambang kemajuan perniagaan moden. Logo itu berwarna hitam putih yang menggambarkan pula risiko yang ditanggung iaitu untung atau rugi.

# PM BIDAS SIKAP DAPATKAN SIJIL UNTUK HIASAN

8-12-85

memikirkan bahawa semua langkah patut dimudahkan oleh kerajaan supaya kejayaan tetap tercapai setelah mendapat ijazah dan kelulusan.

Tanggungjawab kerajaan, katanya, ialah untuk memberi jalan perintis melalui bekalan ilmu dan selepas itu adalah menjadi tanggungjawab masing-masing mencari kejayaan.

Beliau juga mahu supaya pelajaran berniaga dititikberatkan kerana dalam keadaan ekonomi yang muncul dalam masyarakat moden, pengurusan tidak lagi begitu mudah malah menjadi semakin kompleks.

Tambah beliau, memang benar ramai daripada jutaan di Malaysia tidak belajar berniaga, bahkan tidak ada pelajaran tersebut tetapi ini tidak bermakna bahawa semua peniaga tidak perlu belajar selok-belok perniagaan.

Katanya, pengetahuan dan kebolehan dalam bi-

menjejaskan mutu dan daya penarik barangan yang dikeluarkan.

Menurutnya, jika pengurangan kos dibuat melalui penurunan kualiti bahan, atau jenis bekas, atau iklan akibatnya mungkin penjualan tidak akan laris.

"Pengusaha tempatan kerap kali mencari jalan ini untuk mengurangkan kos," ujar beliau.

Perdana Menteri mahu pengusaha tempatan mengambil contoh pengurangan kos oleh pengusaha luar negeri iaitu dengan meningkatkan produktiviti.

Beliau berharap expo selama tiga hari itu akan memberi kesan positif bukan sahaja kepada para pelajar yang mengambil bahagian, tetapi kepada para pelajar lain dan orang ramai yang berkunjung menyaksikannya.

Sebanyak 86 buah sekolah membuka lebih 122 buah gerai dalam pameran tersebut.

**K**UALA LUMPUR 7 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas sikap golongan yang menghadiri kursus-kursus usahawan dengan tujuan mendapatkan sijil untuk dihias di bilik-bilik pejabat.

Tegas Perdana Menteri, golongan ini mestilah sedar bahawa kursus itu berguna untuk realiti kehidupan dalam masyarakat supaya ilmu yang telah dipelajari digunakan untuk urusan kerja yang lebih mendatangkan hasil.

Kursus, ujar beliau, bukanlah bertujuan untuk mendapat sijil dan ijazah yang cantik dan kemudiannya dihias di pejabat atau rumah bersama-sama dengan gambar konvokeyen.

Berucap merasmikan Expo Keusahawanan Pelajar di sini pagi ini, Perdana Menteri berkata, sijil juga bukan sebagai kunci untuk membuka pintu pejabat supaya mendapat peluang bekerja dengan gaji tertentu.

"Gaji yang besar dan pangkat yang tinggi tidak bermakna jika kerja yang dijalankan tidak bermutu dan kerugian dialami sepanjang masa," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Menurut beliau, sikap peserta-peserta yang menghadiri kursus-kursus perlu diubah dan hakikat bahawa institusi dan kursus tidak dengan sendirinya menjamin kejayaan, perlu disedari.

Perdana Menteri juga mengingatkan masyarakat bumiputera supaya jangan

dang pengurusan kakitangan, pengurusan projek, pengurusan kewangan dan kos boleh diperolehi melalui pengalaman tetapi pembelajaran boleh memendekkan proses pengalaman.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, seseorang pengusaha perlu tahu bagaimana cara hendak mengurangkan kos ke tahap yang maksimum tetapi pengurangan ini mesti ditentukan kepada bidang-bidang yang tidak akan